



Menggunakan kad kredit secara bijak merupakan salah satu langkah penting untuk memastikan kedudukan kewangan anda sentiasa sihat. Kad kredit diibaratkan pisau tajam yang mempunyai banyak manfaat tetapi jika disalahgunakan boleh melukakan anda.

Dalam Bab 2, kita telah membincangkan tentang asas meminjam. Sekarang, marilah kita gunakan pengetahuan ini apabila menggunakan kad kredit.

## APA ITU KAD KREDIT?

**Kad kredit ialah alat pembayaran secara elektronik yang membolehkan anda membeli barangan dan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai**

## Bagaimanakah kad kredit berfungsi?

Kad kredit yang dikeluarkan kepada anda menawarkan kemudahan untuk meminjam yang dikenali sebagai had kredit, yang ditetapkan oleh pengeluar kad kredit. Apabila anda menggunakan kad kredit, pengeluar kad kredit akan membuat bayaran kepada peniaga bagi pihak anda dan kemudiannya akan meminta bayaran daripada anda melalui penyata bulanan yang dikeluarkan. Bagi pembelian yang menggunakan kad kredit, pada amnya, anda akan diberikan tempoh tanpa faedah selama 20 hingga 50 hari sebelum perlu membuat bayaran.

